

03/02/1999

PM yakin kemampuan Azhar

LANGKAWI, Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yakin Azhar Mansor, mampu belayar mengelilingi dunia menggunakan perahu layar berkat ketabahannya dan doa rakyat negara ini.

Menurut Perdana Menteri, jika usaha itu berjaya Azhar, 40, akan mengatasi cabaran kali ketiga oleh rakyat Malaysia selepas cabaran pertama menawan Gunung Everest dan kedua, Ekspedisi Kutub Utara yang membawa kegemilangan kepada negara.

"Saya yakin Azhar dapat menempuh segala cabaran dan InsyaAllah beliau akan pulang dengan selamat.

"Bagi pihak seluruh rakyat Malaysia, saya mengucapkan selamat berjaya kepada beliau," katanya pada majlis Cabaran Jalur Gemilang 1999, sebelum melepaskan pelayaran Azhar di Awana Porto Malai di Tanjung Malai di sini, hari ini.

Dr Mahathir kemudian menaiki kapal persiaran, Supertar Leo yang berlabuh berhampiran jeti berkenaan untuk menyaksikan pergerakan kapal layar Azhar ke perairan antarabangsa.

Beliau kagum kerana percubaan Azhar adalah usaha sukar disebabkan terpaksa belayar mengelilingi dunia dalam masa kurang 105 hari tanpa singgah di mana-mana daratan.

"Kerajaan dan rakyat menyokong usaha itu dan kerajaan juga memberi jaminan menjaga kebajikan keluarga Azhar sepeninggalan beliau.

"Jika kerajaan tidak dapat melakukannya, saya percaya sektor swasta sedia memikul tanggungjawab itu," katanya.

Beliau berkata, percubaan Azhar itu dapat dilakukan kerana beberapa syarikat sedia membantu penganjuran pelayarannya walaupun negara menghadapi masalah ekonomi.

(END)